

08/05/1997

Mahathir ke luar negara 2 bulan

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berada di luar negara selama dua bulan untuk lawatan rasmi dan kerja yang diselang-seli dengan percutian, bermula 19 Mei ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Nazri Aziz, ketika mengesahkannya hari ini berkata, sepanjang tempoh itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memangku tugas Perdana Menteri.

Tempoh Dr Mahathir berada di luar negara kali ini adalah paling lama sejak beliau menjadi Perdana Menteri 16 tahun lalu. Selama ini, beliau hanya berada antara satu hingga tiga minggu di luar negara.

Kali terakhir Dr Mahathir melantik timbalannya sebagai Pemangku Perdana Menteri ketika bercuti atau berada di luar negara ialah ketika Tan Sri Musa Hitam menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Memberitahu pemberita di lobi Parlimen, Mohd Nazri berkata, dalam tempoh percutian Perdana Menteri kali ini, beliau turut dijadualkan melawat beberapa negara Eropah.

"Destinasi pertamanya ialah London dan kemudiannya ke beberapa negara lain untuk lawatan kerja," katanya sambil menolak khabar angin kononnya Dr Mahathir akan menjalani rawatan ketika berada di luar negara.

Menurutnya, Kabinet sudah dimaklumkan berhubung keputusan Perdana Menteri itu minggu lalu.

Mengenai pelantikan Anwar untuk memangku tugas Perdana Menteri, beliau berkata, ia penting bagi melancarkan pentadbiran negara kerana ini adalah kali pertama Perdana Menteri berada dua bulan di luar negara.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman pula berkata, Dr Mahathir dijangka memaklumkan secara terperinci kepada Kabinet mengenai lawatan kerja dan percutiannya itu Rabu ini.

Menurutnya, dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu, Dr Mahathir sudah memaklumkan cadangannya untuk melawat beberapa negara Eropah sekali gus.

"Perdana Menteri akan melawat banyak negeri. Dalam masa itu ada selang-selang dia nak cuti. Mungkin Dr Mahathir melawat sebuah negeri, kemudian rehat dulu sebelum melawat negeri lain. Minggu depan kita tahulah," katanya.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik ketika selepas mesyuarat Kabinet pula berkata, Dr Mahathir akan ke London untuk mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Selepas itu beliau dijadual membuat sama ada lawatan rasmi atau lawatan kerja ke beberapa negara Eropah Timur termasuk Poland, Hungary dan Rusia.

Menurutnya, Dr Mahathir mahu berada di Eropah dalam tempoh antara lawatan itu untuk mengelakkan masalah menyesuaikan dengan masa yang berbeza jika beliau hendak berulang-alik.

"Saya rasa lebih baiklah terus berada di kawasan dalam lingkungan waktu yang sama daripada terbang balik sebegitu jauh, kemudian pergi semula ke sana," kata Dr Ling.

Menurutnya, memandangkan kesibukan dalam perjalanan urusan kerajaan kini, wajarlah bagi Dr Mahathir yang sentiasa mempunyai jadual yang ketat, untuk berehat.

Sambil menjelaskan itu hanyalah pendapat peribadinya, Dr Ling berkata apabila seseorang mengambil cuti, ada kemungkinan juga dia ingin memberi tempoh latihan kepada sesiapa sahaja yang bakal mengambil tempatnya apabila tiba masanya nanti.

(END)

